

U GB 21-04 00151 BH956

bah

VIETNAM BOLEH MAJU SEPERTI MALAYSIA, KATA MAHATHIR  
Mahathir - Vietnam  
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

HANOI, 21 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Vietnam akan mencapai kemajuan yang pesat seperti Malaysia kerana negara itu mempunyai pemimpin-pemimpin yang gigih dan sanggup bekerjasama dengan negara-negara Asia Timur.

Perdana Menteri berkata Vietnam, seperti juga Malaysia, pernah terhina di bawah pemerintah Eropah.

+Kita tidak berpeluang untuk membangun. Kita terpaksa menjadi pembekal barangan asli dan menjadi pasaran kepada apa saja yang mereka hasilkan,+ katanya semasa berucap pada majlis makan malam yang diberikan untuk Perdana Menteri Vietnam, Vo Van Kiet di sini malam tadi.

Dr Mahathir berkata bahawa di bawah pemerintahan penjajah, bidang pendidikan disekat dan kemahiran pekerja juga terhad.

Bagaimanapun, katanya, dengan adanya usaha dan keberanian pejuang kemerdekaan Malaysia, negara berjaya membebaskan dirinya daripada belenggu penjajahan. -- Lagi

▼21/04/16-47MST

U GB 21-04 00112 BH957

bah

Mahathir - Vietnam 2 Hanoi

Begitu juga dengan rakyat Vietnam, mereka terpaksa mengharungi peperangan sebelum menikmati kemerdekaan, katanya.

Dr Mahathir berkata memandangkan kedua-dua negara kini bebas, mereka boleh menentukan arah tujuannya sendiri.

+Kita bertanggungjawab kepada masa depan kita sendiri. Kita tidak boleh menyalahkan sesiapa jika kita gagal mencapai kemajuan dan menyediakan kehidupan yang lebih baik kepada rakyat,+ katanya.

Perdana Menteri berkata oleh kerana rakyat Malaysia dan Vietnam, sebagai orang Asia, tidak seharusnya lupa bahawa tamadun Asia lebih tua daripada yang lain.

Bagaimanapun, kata beliau, rakyat kedua-dua negara perlu ingat bahawa kejayaan tidak dapat dicapai dengan sekelip mata. -- Lagi

▼21/04/16-59MST

U GB 21-04 00059 BH958

bah

Mahathir - Vietnam 3 (Akhir) Hanoi

+Kita mesti menerima hakikat bahawa untuk maju, kita perlu faham tentang faktor kemanusiaan, sistem dan dasar serta kemahiran mentadbirkan perdagangan dan teknologi,+ katanya.

Memandangkan negara-negara Asia yang lain boleh menguasai kemahiran-kemahiran ini, beliau yakin rakyat Malaysia dan Vietnam boleh berbuat demikian. -- Bernama

▼21/04/17-02MST